# KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan Tahun 1923)
**(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)**
Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre,
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 97

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 97, Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad akan diadakan pada **25 Jun 2022 (Sabtu)** bersamaan **25 Zulkaedah 1443H jam 9.00 pagi** bertempat di **Level 3, Dewan Sri Makmur 1, H Elite Design Hotel, Kota Bharu, Kelantan.**

**AGENDA**

1. Mengesah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 96 yang telah diadakan pada 25 September, 2021.

2. Menimbang Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Laporan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2021.

3. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit dan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2021 dan subsidiari-subsidiari Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad.

4. Memilih empat (4) orang Anggota Lembaga bagi mengisi tempat Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh mengikut giliran di bawah fasal (1)(2) UUK 38.

5. Menimbang dan meluluskan kajian semula belanjawan tahun 2022 dan anggaran belanjawan tahun 2023 serta subsidiari-subsidiari koperasi.

6. Meluluskan elaun kepada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengerusi dan Setiausaha Kawasan serta saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari atau subsidiari-subsidiari Koperasi.

7. Meluluskan pelantikan tidak lebih empat (4) panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi.

8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan koperasi tidak lebih RM 80 juta bagi tahun 2022 dan 2023 serta menetapkan had keterhutangan pinjaman luar tidak lebih RM 80 juta pada kadar faedah semasa pasaran.

9. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 97.

10. Membahaskan usul-usul yang disampaikan kepada Setiausaha Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 97.

11. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Aturan Tetap Mesyuarat Agung Kawasan, cadangan Aturan Pembiayaan Islamik Anggota Lembaga dan Aturan Pembiayaan Islamik Pengerusi dan Setiausaha Kawasan Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad.

Dengan Perintah
**Lembaga Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad**

**MOHAMAD AKHIR BIN ABDUL RAHMAN**
SETIAUSAHA KOSWIP

Kuala Lumpur
Bertarikh : 10 Jun, 2022
10 Zulkaedah, 1443H

sk
i. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Negeri Selangor.

Nota : Buku Laporan Tahunan 2021 untuk Perwakilan akan diedar melalui Pengerusi dan Setiausaha Kawasan masing-masing.